

# 8 memorandum perniagaan dimeterai

PM saksi majlis  
libat urus Malaysia  
dengan rakan  
kongsi teruskan  
pertumbuhan  
mampan

**Dubai:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menyaksikan majlis pemeteraian dan pertukaran lapan memorandum antara syarikat Malaysia dengan rakan perniagaan antarabangsa, di sini, Rabu lalu.

Majlis pemeteraian dan pertukaran berkenaan membabitkan empat memorandum persefahaman (MoU), dua memorandum eksplorasi perniagaan (MOBE), satu memorandum perjanjian (MoA) dan satu surat hasrat (LOI).

Perdana Menteri dalam ucapannya pada Majlis Apresiasi Ekspo 2020 Dubai berkata, beliau amat berbangga kerana Malaysia mengadakan libat urus dengan begitu ramai rakan kongsi yang bersedia untuk menyertai Malaysia dalam mewujudkan dunia yang lebih baik.

"Saya yakin hubungan yang dibangunkan di sini akan membawa kepada pelbagai potensi baharu dalam pemulihan global yang berterusan dan pertumbuhan yang mampan," katanya.

MoU membabitkan Perbadanan PRIMA Malaysia dan Sany Construction Industry Development (M) Sdn Bhd bertujuan menyediakan perumahan mampu milik yang cepat dan berkualiti kepada kumpulan M40 melalui penggunaan teknologi sistem binaan berindustri (IBS) Sany.



Ismail Sabri (tengah) menyaksikan MoU antara TWL Holdings Berhad diwakili Pengerusi Eksekutif, Datuk Tan Wei Lian bersama Tatra Investment LLC diwakili Pengerusinya, Marwan Ahmad Mahid Al Ghurair di Ekspo 2020 Dubai. (Foto BERNAMA)

MoU membabitkan AK International LLC dan European Wellness Academie (Asia Pacific) Sdn Bhd bertujuan menubuhkan pusat kecemerlangan berasaskan halal yang pertama di dunia bagi perubatan dan pendidikan boleh jana semula biologi di Malaysia.

Turut dimeterai adalah MoU bagi menghasilkan pembuatan suplemen dan terapeutik biofarmasi halal pertama di dunia dan membangunkan rangkaian pelancongan kesejahteraan dipacu digital berkonsepkan halal yang pertama di dunia, antara Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Malaysia.

MoU antara Pharmaniaga Manufacturing Bhd (PMB) dengan Prime Medical Store LLC, akan menjadi asas untuk mewujudkan rangka kerja yang akan memberikan hak eksklusif kepada Prime

Medical untuk mendaftar, mengimport, mempromosi, memasarkan, menjual dan mengedar produk farmaseutikal PMB di UAE.

Turut ditandatangani adalah MoU membabitkan Hortman Clinics dan Covid Medicare on Support Incorporation untuk membeli dan memasarkan produk Imuno X Booster.

Sementara itu, turut dimeterai adalah MOBE antara UEM Edgenta Bhd dengan syarikat pemula niaga teknologi kewangan (fintech) berpangkalan di Dubai, Byte Blanket, selain UEM Edgenta dengan Disrupt-X (satu lagi syarikat pemula niaga fintech di Dubai), yang mana kedua-dua MOBE itu bertujuan membina bandar pintar yang mampan.

MoA antara TWL Holdings Berhad dan Tatra Investment

LLC, membabitkan perancangan kedua-dua syarikat untuk membentuk kerjasama strategik dalam sektor penjagaan kesihatan bagi memperoleh, mengimport, membekal dan mengedar produk farmaseutikal perubatan di Malaysia dan Asia Tenggara.

Selain itu, LOI dimeterai oleh Pure Harvest dari UAE dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Malaysia (NCIA) bagi mendapatkan bantuan kemudahan pelaburan di Malaysia menerusi Zon Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Pemeteraian MoU terbabit turut disaksikan oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri

Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kestabilan politik di Malaysia ketika ini membolehkan kerajaan menumpukan usaha memulihkan kembali ekonomi negara terutama dalam menarik pelaburan baharu.

Beliau berkata, kestabilan politik amat penting untuk ekonomi negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang antara 5.5 hingga 6.5 peratus pada tahun ini, berbanding penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada 2020.

"Pelaburan langsung asing (FDI) juga semakin meningkat daripada RM14.6 bilion pada 2020 kepada lebih RM50 bilion pada 2021, manakala perdagangan turut melebihi sasaran.

"Pengangguran juga berjaya dikurangkan. Pada 2021, sasaran peluang pekerjaan adalah 500,000 tetapi kita dapat beri pekerjaan kepada rakyat 580,000 dan tahun ini, kita menyasar untuk menyediakan 600,000 peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya pada Majlis Makan Malam Keluarga Malaysia Emiriah Arab Bersatu (UAE) bersama Perdana Menteri.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Malaysia berada pada landasan yang tepat untuk mencari pelaburan baharu seperti dari Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Ismail Sabri berkata, pada lawatan ke Qatar, baru-baru ini, negara berjaya menarik pelaburan RM5.4 bilion dan meraih potensi nilai perdagangan, pelaburan serta petunjuk perniagaan bernilai lebih RM70 bilion Ekspo 2020 Dubai.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, pembukaan sempadan negara bermula hari ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, khususnya menerusi sektor pelancongan.

BERNAMA